

SEJARAH PERKEMBANGAN SISTEM PENTADBIRAN
DAN POLITIK DI DAERAH SEMPORNA,
1887-1985

JULIAH BINTI MOHD YUNUS
HA2006-4270

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT-SYARAT BAGI IJAZAH SARJANA
MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN

SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

183370

HADIAH

PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

 TUDJUL: SEJARAH PERKEMBANGAN SISTEM PENTADBIRAN DAN POLITIK
DI DAERAH SEMBORA, 1987-1985
IJAZAH: SARJANA MUHAMMAD SAHAB SOBIAT
 SAYA JULIAH BINI MOHD YUNUS
 (HURUF BESAR)
SESI PENGAJIAN: 2009

*mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

 (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam
AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐


TERHAD

 (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan
oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


☐

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

 Ms. Saffie Abd. Razin
 Nama Penyelia
Tarikh: 5/10/09Tarikh: 5/10/09

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS




1400017107


 UMS
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

 PERPUSTAKAAN
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN PELAJAR

Saya mengaku bahawa tesis latihan ilmiah ini adalah hasil usaha saya sendiri kecuali segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.



(Juliah binti Mohd. Yunus)
HA2006-4270


Tarikh: 8/10/09



PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH

Latihan ilmiah bertajuk "Sejarah Perkembangan Sistem Pentadbiran dan Politik di Daerah Semporna, (1887-1985)" disediakan oleh Juliah binti Mohd Yunus bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh:



(Encik Mohamad Saffie Bin Abdul Rahim)

Penyelia Latihan Ilmiah



PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA PENYAYANG, Segala puji yang Maha Tinggi saya panjatkan pada ALLAH SWT jua kerana sesungguhnya dengan izin serta kurniaNYA maka saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini sepenuhnya bagi memenuhi syarat dalam Program Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian dalam bidang Sejarah di Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah. Alhamdulillah dengan izin dan limpah kurniaNYA, maka penulisan latihan ilmiah ini dapat disempurnakan seperti yang dirancang.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Encik Mohamad Saffie bin Abdul Rahim selaku pensyarah dan penyelia saya yang tidak pernah jemu memberi bimbingan, dorongan dan teguran yang membina dalam usaha menyiapkan penulisan ini. Walaupun diambang kesibukan yang memanjang, beliau masih lagi dapat membantu dalam setiap permasalahan yang saya ajukan berkaitan penulisan ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada kedua ibu bapa saya yang tersayang yang juga banyak membantu saya khususnya dalam aspek kewangan. Nasihat yang mereka sentiasa berikan agar meneruskan perjuangan dalam menimba ilmu pengetahuan dan membudayakan ilmu dalam kehidupan menaikkan lagi semangat saya untuk sabar dan tabah dalam menghadapi apa jua permasalahan dan halangan semasa menyiapkan penulisan ini. Tidak lupa juga penghargaan kepada adik-adik saya di kampung dan istimewa buat Encik Abdul Basarun yang banyak mengajar saya erti kehidupan yang lebih bermakna sebagai seorang anak, kakak dan warga masyarakat kampus. Sesungguhnya, hanya Allah yang dapat membalas jasa beliau.

Sejambak penghargaan dan terima kasih kepada kakitangan Arkib Negeri Sabah, Perpustakaan UMS, Perpustakaan Tun Fuad Stephens dan Pejabat Daerah Semporna yang banyak membantu dalam mencari rujukan dan bahan semasa menjalankan kajian. Sekalung penghargaan turut diucapkan kepada tokoh-tokoh yang sudi ditemu bual dalam memberikan sumbangan bagi melengkapkan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan yang tidak dapat saya nyatakan di sini telah banyak memberikan kerjasama dan berkongsi maklumat yang berharga. Sememangnya, kehidupan sebagai mahasiswa bersama kalian tidak akan dapat saya lupakan. Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama baik secara langsung ataupun tidak dalam menjayakan kajian ini.

Harapan saya, semoga latihan ilmiah ini memberi manfaat bukan sahaja kepada orang perseorangan yang mempunyai kepentingan dengannya, malahan diharapkan dengan terhasilnya latihan ilmiah ini dapat menambahkan khazanah ilmu dalam bidang sejarah di negara kita. Kepada anak watan daerah Semporna, jadikanlah Sejarah asal usul kita sebagai wadah dalam membina identiti bangsa dan jati diri agar pembangunan yang kita kecapai hari ini lebih bermakna dan dihargai. Salam perjuangan buat semua. Wasalam...



ABSTRAK

SEJARAH PERKEMBANGAN SISTEM PENTADBIRAN DAN POLITIK DI DAERAH SEMPORNA, (1887-1985)

Kewujudan Daerah Semporna sebagai sebuah pusat pentadbiran yang tersusun dan berorganisasi dari segi sejarahnya adalah signifikan kepada pembangunan daerah ini. Kewujudan kawasan Semporna sebagai sebuah entiti pentadbiran bermula pada tahun 1887 apabila ia dibuka secara rasmi oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB). Sebelum itu, sememangnya sudah wujud institusi pentadbiran tempatan di kawasan ini tetapi tidak seragam kerana bergantung kepada faktor kepimpinan seorang ketua. SBBUB telah menyerap institusi pentadbiran yang ada ini ke dalam struktur pentadbiran yang paling rendah dalam SBBUB. Cara ini telah diwarisi oleh kuasa Imperialis Jepun semasa memerintah di kawasan Semporna. Terdapat di kalangan penduduk tempatan yang dijadikan sebagai *kempetai*. Pentadbiran koloni British pula menjadi titik tolak kepada penglibatan yang lebih luas kepada penduduk tempatan untuk menceburkan diri dalam bidang pentadbiran tanah air mereka. Justeru, pada tahun 1960-an selepas penyertaan dalam Malaysia daerah Semporna mengalami perkembangan sistem pentadbiran yang sangat memberangsangkan dengan perluasan peranan Pejabat Daerah Semporna dan pertambahan kakitangannya. Jabatan Persekutuan dan Jabatan Negeri yang semakin bertambah di daerah ini membuktikan bahawa perubahan dalam fungsi pentadbiran daerah ini seiring dengan arus pembangunan. Sesungguhnya, kesedaran dan proses kematangan penduduk tempatan dalam bidang politik selama hampir 25 tahun (1963-1985) ini dapat dinilai melalui beberapa peringkat pilihan raya yang berlangsung dalam tempoh masa tersebut. Pembentukan identiti bangsa dalam kematangan ini akhirnya telah memberi kesan kepada sistem kemasyarakatan, nilai dan sikap ke arah pemodenan daerah ini di masa akan datang.



KATA KUNCI

Struktur pentadbiran, Pejabat Daerah, Kematangan politik, Pembangunan

SENARAI SINGKATAN

ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
BERJAYA	-	Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah
D.O	-	Pegawai Daerah (<i>District Officer</i>)
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
JKKK	-	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
KAN	-	Ketua Anak Negeri
NCAC	-	Majlis Penasihat Ketua-ketua Anak Negeri (<i>The Native Chiefs' Advisory Council</i>)
O.K.K	-	Orang Kaya-kaya
O.T	-	Orang Tua-tua
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PBS	-	Parti Bersatu Sabah
SBBUB	-	Syarikat Berpiagam Borneo Utara British
SCA	-	<i>Sabah Chinese Association</i>
SPR	-	Suruhanjaya Pilihan raya
UMNO	-	<i>United Malay Nation Organisation</i>
UNKO	-	<i>United National Kadazan Organization</i>
UPKO	-	<i>The United Pasok-Mamogon Kadazan Organization</i>
USNO	-	<i>United Sabah National Organization</i>



ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN PELAJAR	i
PENGESAHAN PENYELIA	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	iv
KATA KUNCI	v
SINGKATAN	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Penyata Permasalahan Kajian	2
1.2	Objektif Kajian	3
1.3	Skop Kajian	4
1.4	Kepentingan Kajian	5
1.5	Metodologi Kajian	6
1.6	Sorotan Literatur	6
1.7	Kerangka Tesis	13

BAB 2 SEJARAH AWAL SISTEM PENTADBIRAN SEMPORNA, 1887-1962

2.0	Pengenalan	17
-----	------------	----



2.1	Sejarah awal Daerah Semporna	17
2.2	Penghijrahan Awal Suku Kaum Bajau di Semporna	19
2.3	Pentadbiran Daerah Semporna semasa SBBUB	24
2.4	Pewujudan Institusi Kepimpinan Peribumi	26
2.5	Peranan Orang Tua-tua	30
2.6	Zaman Pendudukan Jepun di Semporna	31
2.7	Kesimpulan	37

BAB 3 PERKEMBANGAN SISTEM PENTADBIRAN SEMPORNA, 1963-1985

3.0	Pengenalan	39
3.1	Struktur Pentadbiran Negeri Sabah selepas Merdeka	40
3.2	Pentadbiran peringkat Daerah Semporna	43
3.3	Struktur Pentadbiran Daerah Semporna	45
	3.3.1 Pegawai Daerah	48
	3.3.2 Penolong Pegawai Daerah	50
	3.3.3 Ketua Daerah	52
	3.3.4 Ketua Anak Negeri	53
	3.3.5 Ketua Masyarakat Cina	54
3.4	Pentadbiran Peringkat Kampung	55
	3.4.1 Ketua Kampung	56
3.5	Jabatan Kerajaan	57
3.6	Jabatan Negeri	
	3.6.1 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Daerah Semporna	58
	3.6.2 Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am	59
	3.6.3 Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak	60
	3.6.4 Jabatan Tanah dan Ukur Daerah Semporna	61
3.7	Kesimpulan	63



BAB 4	PERKEMBANGAN POLITIK SEMPORNA, 1963-1985	
4.0	Pengenalan	64
4.1	Bibit-bibit Perkembangan Politik di Daerah Semporna (1945-1963)	65
4.2	Pilihan raya Peringkat Parlimen Daerah Semporna	71
4.3	Pilihan raya Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Semporna	73
4.3.1	Pilihan raya Negeri Sabah pada tahun 1967	74
4.3.2	Pilihan raya Negeri Sabah pada tahun 1971	77
4.3.3	Pilihan raya Negeri Sabah pada tahun 1976	78
4.3.4	Pilihan raya Negeri Sabah pada tahun 1981	82
4.3.5	Pilihan raya Negeri Sabah pada tahun 1985	86
4.4	Semporna Semasa Pemerintahan Parti USNO	88
4.5	Semporna semasa Pemerintahan Parti BERJAYA	91
4.6	Kesimpulan	93
BAB 5	KESIMPULAN	95
BIBLIOGRAFI		103
LAMPIRAN		108



SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 2.1:	Senarai ketua pribumi masyarakat tempatan bahagian pantai timur semasa pentadbiran SBBUB	29
Jadual 3.1:	Senarai Nama Pegawai Daerah Yang Pernah Berkhidmat di Daerah Semporna, 1946-1985	50
Jadual 3.2:	Senarai nama Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pentadbiran Semporna, 1970-1985	51
Jadual 3.3:	Senarai nama Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan Semporna, 1972-1982	52
Jadual 3.4:	Senarai Nama jabatan, badan berkanun dan syarikat swasta di peringkat persekutuan dan peringkat negeri yang mempunyai cawangan di daerah Semporna	62
Jadual 4.1:	Tarikh Pilihan raya Umum Parlimen Negeri Sabah	71
Jadual 4.2:	Dewan Rakyat (Parlimen) Bahagian Semporna	72
Jadual 4.3:	Pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah sejak tahun 1967 sehingga tahun 1985	74
Jadual 4.4:	Senarai calon-calon dan maklumat Pilihanraya Negeri Sabah 1967, S. 30 Semporna	76
Jadual 4.5:	Senarai calon-calon dan maklumat Pilihan raya Negeri Sabah 1976, N. 42 Semporna	81
Jadual 4.6:	Senarai calon-calon dan maklumat Pilihan raya Negeri Sabah 1981, N. 42 Semporna	84
Jadual 4.7:	Senarai calon-calon dan maklumat Pilihan raya Negeri Sabah 1985, N. 48 Semporna	87
Jadual 4.8:	Sejarah Pilihan raya Negeri (ADUN) Bahagian Semporna	94



SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 2.1:	Gambar Pembukaan Rancangan Penempatan baru Kampung Seraya yang dirasmikan oleh Gabenor SBBUB, Sir William Googe	37
Rajah 3.1:	Carta Organisasi Pejabat Daerah Semporna	46
Rajah 3.2:	Struktur organisasi pentadbiran Pejabat Daerah Semporna	47
Rajah 4.1:	Gambar Rombongan tunjuk perasaan yang bergerak di sepanjang lot-lot kedai sehingga sampai ke padang daerah Semporna. Tanda 'x' merujuk keada O.K.K Sakaran	70
Rajah 4.2:	Gambar Menara USIA di Semporna, dahulunya dikenali sebagai Bangunan USNO	90



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Istilah Semporna berasal daripada perkataan '*Simporna*' yang bermaksud tempat untuk berehat. Nama Semporna ini telah diberi oleh seorang Gabenor Inggeris iaitu W. M. Crocker apabila beliau dan beberapa orang rakannya termasuklah seorang pedagang Cina yang bernama Toonah menemui daerah tersebut pada pertengahan tahun 1887.¹ Sebelum diberi nama ini, kawasan ini sudah pun mempunyai nama lain yang digunakan oleh penduduk di kawasan sekitarnya iaitu '*Tong Talur*' iaitu salah satu daripada bahasa dialek orang bajau yang bermaksud 'Hujung Hutan'.

Semporna merupakan sebuah wilayah kecil yang terletak di pantai timur Sabah yang mempunyai keluasan 442 batu persegi atau 113,412 hektar. Bentuk muka buminya pula merupakan kawasan tanah rendah dan sebahagian besarnya terdiri dari kepulauan iaitu sebanyak 49 buah pulau seluas 23,486 hektar.² Sebelum mendapat status sebagai sebuah daerah penuh dalam tahun 1959, Daerah Semporna termasuk dalam bahagian pentadbiran residensi Tawau bersama-sama Lahad Datu dan Kunak.³ Lokasinya terletak berhampiran dengan sempadan perairan antarabangsa iaitu Indonesia dan Filipina.⁴ Daerah ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Tanah besar Semporna dan kawasan pulau yang dikenali sebagai Pulau Bum-bum dan sekitarnya.

¹ Tabrett, K.P., *The Founding of Semporna*, Sabah Society Journal Vol. 16, 1999, hlm. 57-60.

² *Profail Daerah Semporna*, Pejabat Daerah Semporna, 2001, hlm.4.

³ Tregonning, K.G., *A History of Modern Sabah, 1881-1963*, Singapore: University of Malaya Press, 1965, hlm. 239.

⁴ *Profail Daerah Semporna, op. Cit.*, hlm. 4.



Daerah Semporna ditadbir oleh seorang pegawai Daerah dan dibantu oleh beberapa wakil tempatan yang dilantik untuk mengendalikan pentadbiran tempatan. Daerah ini mempunyai 11 mukim dan 117 kampung, iaitu 60 kampung di tanah besar, 33 kampung di Pulau Bum-bum dan 24 buah kampung di kepulauan.⁵

Dari sudut ekonomi pula, kebanyakan penduduk di daerah ini terlibat dengan aktiviti pertanian kerana keadaan tanahnya yang subur dan dianggarkan sejumlah 54,222.5 hektar keluasan tanah di daerah ini digunakan untuk pertanian. Selain itu 35 peratus dari penduduk Daerah Semporna juga terlibat dengan aktiviti perikanan dan laut manakala sejumlah kecil daripada mereka kira-kira 5 peratus terlibat dengan kegiatan perniagaan.

1.1 Permasalahan Kajian

Dari aspek pensejarahan daerah Semporna kurang diketahui oleh masyarakat lain sama ada di negeri Sabah mahupun negeri-negeri lain di Malaysia. Hal ini disebabkan oleh kurangnya kajian yang dilakukan terhadap mereka. Peranan yang dimainkan dalam struktur pentadbiran khususnya pejabat daerah sangat penting dalam menentukan dasar dan ke arah menjana kepesatan pemodenan. Namun, sejarah perkembangannya yang kurang menonjol dan diketengahkan menyebabkan peranan dan sumbangannya seolah-olah dipinggirkan oleh kelompok masyarakat setempat sama ada yang terlibat secara langsung dalam pembangunan mahupun oleh masyarakat luar.

Berdasarkan tajuk kajian iaitu 'Sejarah Perkembangan Sistem Pentadbiran dan Politik Daerah Semporna, 1887-1985, pengkaji cuba menimbulkan beberapa masalah untuk dikaji. Antaranya ialah:-

1. Apakah bentuk pentadbiran daerah Semporna selepas penyerahan Sabah oleh tentera Jepun Kepada British memandangkan tempoh ini penting sebagai titik tolak kepada peralihan sistem pentadbiran moden dan tersusun khususnya di Daerah Semporna.

⁵ *Ibid.*,

2. Apakah jenis perubahan dalam menjalankan kewajipan membangunkan daerah tersebut. Bagaimana sistem pentadbiran yang dibentuk diaplikasikan serta perubahan-perubahan struktur organisasi yang berlaku sehingga tahun 1985.
3. Menyingkap kemunculan kesedaran berpolitik di kalangan penduduk daerah ini yang menjadi titik tolak kepada kematangan dalam membuat keputusan khususnya semasa pilihanraya dilakukan.
4. Apakah kemajuan yang telah disumbangkan oleh struktur pentadbiran dan perkembangan politik dengan merujuk kepada aspek politik, sosial dan ekonomi di daerah tersebut.

1.2 Objektif Kajian

Pengkajian terhadap Sejarah Perkembangan Sistem Pentadbiran dan Politik Daerah Semporna telah menggariskan beberapa objektif dan tujuannya. Pertama, mengkaji latar belakang sistem pentadbiran yang mula wujud secara tersusun di Daerah Semporna terutamanya peranan penduduk tempatan dalam urusan pentadbiran. Pada dasarnya, sejarah pentadbiran ini bermula selepas pembukaan kawasan Semporna secara rasmi pada tahun 1887. Dahulunya, kawasan ini hanya merupakan tempat persinggahan sementara kepada golongan pelaut yang hidup secara nomad di pantai timur Borneo Utara. Pada masa yang sama kawasan ini turut menjadi tempat persembunyian kepada lanun-lanun yang merompak kapal-kapal British yang melalui kawasan ini. Justeru, pengkajian yang lebih sistematik dan bermutu dengan bukti-bukti yang kukuh serta penyertaan masyarakat tempatan menjadi objektif utama dalam pengkajian ini.

Objektif kedua ialah mengenal lebih dekat tentang organisasi pentadbiran melalui strategi dan pelaksanaan kepimpinan di kalangan penduduk daerah Semporna. Tindakan ini termasuklah mengamati sumbangan pegawai-pegawai pentadbir dalam pembangunan daerah Semporna dan sambutan rakyat tempatan terhadap perubahan yang dicetuskan. Sememangnya pelbagai masalah, cabaran dan halangan yang telah

wujud dalam aspek pentadbiran daerah Semporna sepanjang hampir 40 tahun ini juga akan diteliti sebagai objektif yang seterusnya.

Pembangunan yang berlaku di Daerah Semporna adalah seiring dengan perkembangan-perkembangan semasa selaras dengan perubahan dasar yang berlaku di peringkat pusat mahupun kerajaan negeri. Justeru, peranan yang dimainkan dalam kepimpinan penduduk tempatan dalam usaha mereka untuk melihat tempat lahir mereka maju seperti kawasan lain amatlah besar nilainya melalui pengorbanan masa dan tenaga. Pengkajian ini diharapkan mampu menyuntik semangat lebih ramai lagi anak watan Semporna untuk menyumbang bakti kepada daerah ini.

1.3 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di pantai timur Negeri Sabah iaitu Daerah Semporna dengan memberi fokus kepada perkembangan sistem dan struktur pentadbiran yang merangkumi perubahan struktur pentadbiran, peranan golongan pentadbir seperti pegawai Daerah, Ketua Anak Negeri dan pentadbir peringkat kampung serta sumbangannya di kawasan tersebut. Kajian ini juga melihat kepada tempoh masa bermula pembukaan Semporna pada tahun 1887 sebagai titik tolak kewujudan sistem pentadbiran tersendiri yang disesuaikan dengan masyarakat yang terdapat di kawasan ini sehingga tahun 1985.

Tempoh kajian ini merupakan satu tempoh masa yang singkat untuk Daerah Semporna menjadi sebuah daerah yang maju seperti beberapa daerah lain di pantai timur Sabah. Namun, dalam tempoh ini sistem pentadbiran yang ada telah mampu membangunkan daerah ini walaupun tahap ekonominya masih rendah dan perkembangan kemudahan infrastruktur yang bergerak seiring dengan peredaran masa.

Di samping itu, dalam tempoh ini banyak peralihan kepimpinan yang berlaku sama ada di peringkat pegawai daerah, jabatan-jabatan kerajaan yang ditubuhkan



mahupun peringkat bawahan seperti ketua anak negeri, ketua kampung, dan orang tua-tua. Justeru tahun 1887 hingga tahun 1985 merupakan tempoh masa yang sesuai untuk mengkaji perkembangan sistem pentadbiran dalam usaha membawa perubahan dan kemajuan daerah ini.

1.4 Kepentingan Kajian

Penulisan tentang sejarah perkembangan sistem pentadbiran daerah Semporna amat kurang diketengahkan oleh para pengkaji dan penulis di negara kita sebelum ini. Sememangnya penulisan mengenainya agak kurang dan tidak terperinci. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat dijadikan tatapan generasi akan datang untuk mendalami perubahan struktur pentadbiran di negeri Sabah amnya, Daerah Semporna khususnya.

Kajian ini dilakukan untuk mengetengahkan perkembangan pentadbiran di daerah Semporna yang merupakan titik tolak seterusnya memperlihatkan perubahan kepada kematangan rakyat untuk mentadbir dan ditadbir serta peralihan sokongan di kalangan penduduk tempatan di Daerah Semporna. Fenomena ini menunjukkan bahawa sistem pentadbiran Daerah Semporna memberi signifikan yang penting yang harus disingkap dari aspek pensejarahannya. Justeru, beberapa kepentingan kajian ini telah digariskan di bawah ini:-

- Untuk menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan dan petunjuk pengetahuan dan penemuan baru kepada individu atau kumpulan yang berkepentingan terhadap maklumat dan fakta yang diperolehi dalam kajian ini.
- Menambahkan koleksi bahan bacaan yang berunsurkan pensejarahan tempatan di gedung-gedung ilmu di negeri ini.
- Menyingkap perjuangan tokoh-tokoh pentadbir yang berjuang ke arah membangunkan Semporna sekaligus usaha-usaha tersebut dapat dijadikan contoh yang berguna kepada anak-anak watan daerah tersebut.



1.5 Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang akan digunakan dalam menyiapkan penulisan sejarah ini ialah menggunakan disiplin sejarah sebagai asas kepada penyelidikan. Justeru, untuk menghasilkan penulisan ini pelbagai bentuk maklumat penting termasuklah dari tiga cabang yang utama iaitu:-

- Kaedah temubual untuk mengetahui sejarah serta pengalaman masyarakat di Semporna bersama dengan golongan pentadbir dan penduduk tempatan. Kaedah ini penting untuk merekodkan maklumat yang diketahui oleh individu-individu tertentu yang belum pernah didokumentasikan dalam apa jua bentuk penulisan.
- Kaedah penyelidikan arkib juga penting mendapatkan maklumat daripada surat-menyurat persendirian, akbar-akbar lama, fail dan laporan asal yang boleh diperolehi dari Arkib, Muzium Negeri Sabah, serta Pejabat Daerah Semporna.
- Rujukan perpustakaan amatlah penting untuk mendapatkan maklumat dalam bentuk buku, artikel, jurnal, tesis atau latihan ilmiah yang boleh dirujuk di Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Pusat sumber Sekolah Sains Sosial dan Perpustakaan Yayasan Sabah.

1.6 Sorotan Literatur

Seperti yang telah dijelaskan bahawa kajian dan penulisan yang khusus tentang Daerah Semporna amat kurang dilakukan. Walau bagaimanapun tinjauan terhadap beberapa kajian dan penulisan yang menerangkan sama ada secara khusus ataupun secara umum mengenai daerah Semporna turut digunakan oleh pengkaji bagi tujuan mendapatkan petunjuk dan panduan dalam menghasilkan sesuatu kajian yang lebih asli dan menarik.

Kajian pertama yang akan dijadikan sebagai rujukan asas ialah penyelidikan terawal yang dihasilkan oleh Tregonning, K.G. pada tahun 1965.⁶ Kajian ini lebih

⁶ Tregonning, K.G., *A History of Modern Sabah, 1881-1963*, Singapore: University of Malaya Press, 1965.

memfokus tentang perkembangan sistem pentadbiran secara menyeluruh di Borneo Utara dengan memberikan fokus kepada beberapa tempoh pemerintahan, iaitu perkembangan sistem pentadbiran semasa zaman pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB), serta Kolonial British sehingga tahun 1963. Beliau turut memasukkan pentadbiran penduduk pribumi dalam bab yang keenam. Oleh itu secara interpretasinya jelas memperlihatkan bahawa kajian tentang sejarah sistem pentadbiran daerah Semporna secara khusus tidak mendapat penyelidikan daripada mana-mana sarjana, sama ada dari segi perkembangannya mahupun peranan rakyat tempatan dalam pentadbiran utama. Jika adapun, penyelidikan yang dijalankan adalah berbeza dari segi skop kajian dan skop masa dengan kajian lanjutan yang pengkaji jalankan. Justeru, kajian penyelidikan tentang sejarah sistem pentadbiran daerah Semporna, 1887 hingga 1985 telah menjadi fokus kajian utama pengkaji bagi mengisi kelompangan kajian lanjutan terhadap sejarah Daerah Semporna umumnya.

Kajian terhadap masyarakat Bajau turut dilakukan oleh James F. Warren pada tahun 1971.⁷ Kajian beliau mengupas secara terperinci mengenai teknik yang digunakan oleh para pentadbir British untuk mengawal orang Bajau pantai timur Sabah. Orang bajau ini dipercayai menjalankan aktiviti perlanuan serta melakukan penentangan ketidakpuasan terhadap kerajaan British pada masa itu yang mengenakan kadar cukai yang tinggi terhadap mereka. Dalam penyelidikan yang akan dilakukan terhadap sejarah pentadbiran Daerah Semporna kajian beliau penting kerana beberapa pemimpin-pemimpin awal masyarakat Bajau yang terkenal turut dimasukkan di dalamnya. Antaranya ialah Datu Ansurrudeen, Datu Gumbah, Maharajah Alani dan Panglima Abdul Rahman. Walaupun begitu, penulis lebih cenderung menekankan perbincangan tentang usaha-usaha British untuk menghapuskan perlanunan di pantai timur Sabah pada waktu itu.

⁷ Warren, James F., *The North Borneo Chartered Company's Administration of the Bajau, 1878-1909: The Pacification of a Maritime, Nomadic People*, Ohio University: Centre for International Studies, 1971.



Selain itu, Anwar Sulilivan dan Cecilia Leong telah menjadi editor dalam kajian Sabah yang diterbitkan pada tahun 1981.⁸ Secara keseluruhannya buku ini menyingkap sejarah negeri Sabah semasa pemerintahan SBBUB sehinggalah Sabah merdeka dalam Persekutuan Malaysia. Antara kajian penting dalam buku ini ialah daripada D.S Ranjit Singh yang bertajuk *The Development Native Administration in Sabah, 1877-1946* serta karya James K. Ongkili yang bertajuk *The Making of Sabah*. Sungguhpun tidak menyentuh mengenai Daerah Semporna dalam pembahagian tajuk dalam buku ini tetapi buku ini penting memandangkan tempoh penyelidikan berada dalam lingkungan masa yang dibincangkan dalam buku tersebut. Gambaran perubahan pentadbiran dan pembangunan negeri Sabah dalam tempoh ini turut memberi kesan secara tidak langsung terhadap perubahan pentadbiran Daerah Semporna secara keseluruhannya.

Dalam pada itu, Sabihah Osman⁹ pada tahun 1985 telah membuat kajian secara terperinci tentang pentadbiran peribumi Sabah dalam sistem pemerintahan SBBUB sepanjang tahun 1881 sehingga 1941 iaitu sebelum perang Dunia kedua sehingga Borneo Utara diambil alih oleh tentera Jepun. Buku ini penting dalam penulisan untuk mendapatkan gambaran secara jelas tentang pentadbiran peribumi semasa pemerintahan SBBUB di mana melibatkan jawatan-jawatan seperti Ketua Anak Negeri (KAN), serta pentadbiran peringkat kampung seperti Ketua Kampung dan Imam. Walaupun buku ini tidak menerangkan sistem pentadbiran di Daerah Semporna secara khusus namun perincian yang jelas tentang peranan golongan pentadbir tempatan di negeri Sabah semasa zaman pemerintahan SBBUB menjadikan sistem yang dilaksanakan di peringkat bawahan dan daerah kecil seperti Semporna saling berkaitan dengan daerah-daerah lain seperti Tawau dan Lahad Datu. Buku ini akan dijadikan sebagai asas dalam penyelidikan kerana fokus perbincangan dalam buku ini secara tidak langsung membantu kepada pengumpulan data berhubung dengan sejarah awal sistem pentadbiran Daerah Semporna.

⁸ Anwar Sulilivan & Cecilia Leong (ed.), *Commemorative History of Sabah, 1881-1981*, Kuala Lumpur: The Sabah State Government Centenary Publication Committee, 1981.

⁹ Sabihah Osman, *Pentadbiran Pribumi Sabah 1881-1941*, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1985.



Kajian seterusnya oleh D.S Ranjit pada tahun 1991 pula turut menyumbang kepada penjaan idea-idea berhubung penyelidikan yang akan dilakukan. Dalam kajian ini beliau lebih banyak membincangkan tentang institusi pentadbiran di Borneo Utara. Kajian beliau ini tertumpu kepada perbincangan tentang sistem pentadbiran pribumi sebelum pentadbiran SBBUB dan sistem pentadbiran SBBUB setelah kerajaan ini menjajah setiap wilayah yang terdapat di Borneo Utara.¹⁰ Sungguhpun demikian tempoh masa kajian yang diketengahkan beliau ialah bermula sebelum penjajahan SBBUB sehingga tahun 1941 adalah berbeza dan terkebelakang dengan skop masa dan skop kajian pengkaji. Justeru, penulisan tersebut tetap membantu dalam memberikan maklumat berhubung dengan sistem pentadbiran peribumi dan institusi pentadbiran SBBUB di Borneo Utara. Dalam erti kata yang lain, walaupun perbincangan tidak terlalu memfokus kepada pentadbiran daerah Semporna secara khusus, namun perbincangan tentang sistem pentadbiran di Borneo Utara yang diketengahkan boleh membantu pengkaji dalam pengujahan untuk sistem pentadbiran Semporna.

Buku yang tidak kurang pentingnya untuk disoroti ialah kajian oleh Clifford Sather yang dibukukan pada tahun 1997 iaitu *The Bajau Laut: Adaptation, History, and Fate in a Maritime Fishing Society of South-Eastern Sabah*.¹¹ Buku ini membincangkan orang Bajau Laut di pantai timur negeri Sabah dalam aspek sejarah asal usul, bahasa, petempatan, kepimpinan, hubungan kekeluargaan dan perkahwinan seterusnya upacara keagamaan dan pelbagai istiadat. Clifford telah menghuraikan dengan panjang lebar tentang corak kehidupan masyarakat Bajau laut di sebuah pulau di Semporna iaitu Pulau Omdal dalam pelbagai aspek bidang kehidupan. Walau bagaimanapun, kajian ini secara keseluruhannya menggunakan disiplin ilmu antropologi seperti sistem kekeluargaan, amalan cara hidup, kebudayaan, agama dan kepercayaan serta aspek kesenian suku kaum Bajau di Semporna. Tumpuan kajian yang berkaitan dengan sejarah pentadbiran Daerah Semporna hampir tidak disentuh langsung jika adapun, penulisan tersebut hanyalah secara ringkas sahaja. Sungguhpun demikian, maklumat-maklumat yang

¹⁰ Ranjit Singh, D.S., *The Making Of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Kuala Lumpur: University of Malaya, 1991.

¹¹ Sather, C.A., *The Bajau Laut: Adaptation, History, and Fate in a Maritime Fishing Society of South-Eastern Sabah*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997.

terdapat dalam penulisan beliau terhadap komuniti bajau di Daerah Semporna boleh dijadikan sebagai sumber rujukan lanjut dalam penyelidikan ini.

Tinjauan kajian lepas seterusnya ialah daripada Ismail Abbas¹² yang menghasilkan kajian tentang Tun Sakaran Dandai. Perlu ditegaskan bahawa Tun Sakaran Dandai merupakan anak watan daerah Semporna. Beliau memulakan pendidikan awal dan menceburkan diri dalam bidang pentadbiran dan politik tempatan bertapak di daerah Semporna. Bermula dengan jawatan pembantu kerani rendah di Semporna semasa era pentadbiran kolonial British, beliau akhirnya mendapat kepercayaan daripada kerajaan British dan dilantik menjadi KAN pada tahun 1960. Dalam kesempatan inilah beliau banyak menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman sebagai pentadbir dan pemimpin. Pengalaman beliau yang cukup luas dalam sistem pentadbiran Semporna yang cuba disingkap oleh Ismail Abbas ini berkepentingan dalam membantu penyelidik menjalankan kajian ini. Kajian beliau bermula dengan latar belakang Tun Sakaran Dandai dalam beberapa aspek seperti latar belakang keluarga, sejarah awal pendidikan beliau serta keperibadian yang dimiliki beliau. Turut diuraikan dalam penyelidikan ini ialah urutan secara kronologi penglibatan Tun Sakaran dalam bidang pentadbiran dan politik Semporna. Tun Sakaran mula bergiat dalam bidang politik seawal tahun 1960-an, khususnya semasa bermulanya rundingan mengenai Pembentukan Persekutuan Malaysia. Tun Sakaran mengakhiri kerjaya politiknya sebagai Ketua Menteri Sabah pada 27 Disember 1994 selepas menjawat jawatan tersebut dari 17 Mei 1994. Pada 1 Januari 1995, Tun Sakaran telah dilantik sebagai Tun Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah kelapan dan perkhidmatannya untuk penggal kedua telah disambung berkuat kuasa dari 1 Januari 1999 sehingga 31 Disember 2002. Lebih menarik perhatian mengenai penyelidikan ini ialah koleksi gambar-gambar Tun yang disertakan mampu memberi gambaran yang lebih jelas kepada pengkaji dalam meneruskan kajian pentadbiran dan politik Semporna secara keseluruhannya. Walaupun begitu, oleh kerana ini adalah kajian biografi, maka hanya menumpukan kepada pengalaman seseorang individu sahaja iaitu Tun Sakaran sedangkan ramai lagi tokoh-tokoh tempatan di Semporna yang turut menyumbang dan berperanan penting dalam

¹² Ismail Abbas, 1996. *Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran Dandai: Biografi Bergambar*. Kota Kinabalu: Holijaya Sdn. Bhd.



struktur pentadbiran Semporna dalam tempoh kajian yang akan dilakukan. Beberapa pengalaman oleh tokoh-tokoh tempatan lain seperti Panglima Abdullah, OKK (Orang Kaya-kaya) Ispal dan Panglima Jakarullah tidak pernah diterbitkan secara ilmiah.

David dan Sue Fielding¹³ pula merupakan individu yang mempunyai pengalaman menarik semasa berada di daerah Semporna sekitar tahun 1960-an dan telah menulis dairi harian mengenai pengalaman mereka semasa berada di Semporna. Dairi ini akhirnya telah diterbitkan secara ilmiah oleh Syarikat Koisaan Cultural Development Institute. David Fielding merupakan seorang pegawai Daerah yang pernah berkhidmat di Semporna semasa British mengambil alih pentadbiran Borneo Utara. Pada penghujung bulan Ogos 1961, David Fielding telah mengambil alih jawatan Pegawai Daerah Semporna daripada Mr. Peter Regis. Beliau merupakan perancang kepada pilihanraya pertama di Negeri Sabah apabila ingin menyertai Persekutuan Malaysia dalam tahun 1963 dan merupakan penyelaras kepada Rancangan Pertama Pembangunan Tanah Semporna. Kajian ini perlu disoroti kerana sebagai seorang yang pernah menjawat jawatan Pegawai Daerah Semporna, beliau mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas mengenai struktur pentadbiran daerah Semporna semasa era pentadbirannya. Setiap peristiwa penting yang berlaku seperti lawatan oleh pegawai-pegawai British ke Semporna dan lawatan oleh beliau sendiri ke kampung-kampung yang terdapat di Daerah Semporna turut dicatatkan. Antara pegawai British yang pernah melawat Semporna adalah seperti O.C.P.D. Tawau, Stan Bedlington, Gabenor Sir William Goode, dan Ketua Residen Tawau, Peter Edge. Namun demikian, kajian ini turut mempunyai kelompangannya yang tersendiri. Tempoh pengalaman yang ditulis ini adalah terbatas iaitu sekitar tahun 1960-an sahaja sedangkan penyelidikan yang akan dilakukan merangkumi tempoh tahun 1887 sehingga tahun 1985. Dalam pada itu, David Fielding tidak menumpukan secara khusus kepada pengalaman dalam pentadbiran Semporna sebaliknya menulis tentang aktiviti harian yang dilakukan oleh beliau dan isterinya seperti menyambut perayaan Krismas di Semporna, majlis-majlis yang dihadiri sama ada secara formal atau tidak serta kunjungan oleh keluarga dan para sahabat mereka ke daerah Semporna.

¹³ David & Sue Fielding, 1997. *Borneo, Jewel in a Jade Rainbow: Letters and Legend from North Borneo Sabah*). Kota Kinabalu: Koisaan Cultural Development Institute.



Kajian oleh Siti Aidah bin Haji Lokin pada tahun 2007 mempunyai kepentingan dalam membantu penyelidikan ini mengenal pasti perubahan sosioekonomi dan pentadbiran peribumi Sabah dari tahun 1881 hingga tahun 1963.¹⁴ Penyelidikan ini cuba untuk mengisi ruang bagi melengkapkan pengetahuan umum tentang perkembangan dan perubahan yang berlaku kepada masyarakat peribumi Sabah khususnya selepas Perang Dunia Kedua sehingga menjelang kemerdekaan. Dalam tempoh tersebut, masyarakat peribumi Sabah memang telah mengalami pelbagai perubahan akibat kesan daripada kolonialisme Barat yang memperkenalkan dan melaksanakan dasar-dasar pentadbiran, ekonomi, dan sosial Barat kepada masyarakat peribumi Sabah yang jauh bebezanya dengan sistem pentadbiran, ekonomi dan sosial tradisional mereka sebelum penguasaan pihak kolonial. Selain itu, pengkaji juga membincangkan sejauh mana faktor kolonialisme memberi kesan dalam mencetuskan kesedaran di kalangan golongan berpendidikan peribumi terhadap identiti bangsa dan bahasa mereka seterusnya mencorakkan pemikiran golongan ini untuk menaikkan taraf sosioekonomi masyarakat sehingga mampu membawa masyarakat tempatan ke arah pemodenan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada semua perbincangan yang terdapat dalam penulisan Siti Aidah Haji Lokin ini adalah mengenai perubahan sosioekonomi masyarakat negeri Sabah secara keseluruhannya manakala perbincangan tentang sejarah sistem pentadbiran dan politik di daerah Semporna tidak dibincangkan sebagai sebahagian daripada topik perbincangan penting dalam penulisan beliau ini. Oleh itu, kekosongan kajian tersebut telah menyebabkan pengkaji tergerak untuk membuat kajian lanjutan berhubung dengan sejarah sistem pentadbiran di Semporna. Sungguhpun demikian, berdasarkan kajian tinjauan lepas terhadap hasil pensejarahan Siti Aidah Haji Lokin tersebut sedikit sebanyak memberi gambaran awal terhadap pengkaji tentang sejarah latar belakang masyarakat di Negeri Sabah secara umum.

¹⁴ Siti Aidah Hj. Lokin, 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.



BIBLIOGRAFI

North Borneo Central Archives

British North Borneo Herald and Official Gazette, Vol. 5., Vol. 6., A New Settlement.

L.W. Jones, 1960. *North Borneo Report on the Census Population*.

Owen Rutter, *British North Borneo Herald*.

The British Borneo Company, Memorandum A

Pesta Perayaan Sabah 100 tahun, 1881-1981: Pesta Rakyat Peringkat Daerah Semporna, 1982. Bahagian Perolehan Arkib Negeri Sabah, Tawau: Muhibbah Printing Company.

Laporan Rasmi Lain

Fail Jabatan Pejabat Ketua Anak Negeri, 1994. Kota Kinabalu: Unit Hal Ehwal Bumiputra Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Laporan Pilihan raya Umum Dewan Undangan Negeri 1981, 1982. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Laporan Pilihan raya Umum Dewan Undangan Negeri 1985, 1986. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Penyata Pilihan raya Umum Dewan Undangan Negeri 1967, 1968. Kuala Lumpur: Bahagian Percetakan Semenanjung Malaysia.

Penyata Pilihan raya Umum Dewan Undangan Negeri 1976, 1977. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Semenanjung Malaysia.

Sabah Annual Report 1959, 1960. Sabah: Government Printing Department.

Sabah Annual Report 1963, 1964. Sabah: Government Printing Department.

Sabah Annual Report 1975, 1976. Sabah: Government Printing Department.



Fail Pejabat Daerah Semporna

Profail Daerah Semporna, 2002. Pejabat Daerah Semporna.

Fail Pejabat Daerah Semporna, simpanan Penolong Pegawai Daerah Semporna bahagian pentadbiran. Tidak diterbitkan.

Akbar

Lepa Masyarakat Bajau Semporna. Borneo Post, 31 Mac 1997.

North Borneo News and Sabah Times, 19 Oktober 1961, hlm. 1

North Borneo News and Sabah Times 28 Disember 1961, hlm. 1 & 6.

Buku

Abdullah Hussain, 1970. *Tun Mustapha Bapa Kemerdekaan Sabah*. Kuala Lumpur: M.F.I.

Anwar Abdullah, 2004. *Biografi Dato' Onn: Hidup Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Anwar Sulilivan & Cecilia Leong (ed.), 1981. *Commemorative History of Sabah, 1881-1981*. Kuala Lumpur: The Sabah State Government Centenary Publication Committee.

Campbell, Bill., 1981. *Berjaya's Success Story*. Kota Kinabalu: Bahagian Akbar Dan Penerbitan Jabatan Ketua Menteri.

Danny Wong Tze-Ken, (peny.), 2006. *Sejarah Ringkas Tuan Yang Terutama Yang di-Pertuan Negeri Sabah dan Gabenor Borneo Utara*. Kota Kinabalu: Perpustakaan Negeri Sabah.

David & Sue Fielding, 1997. *Borneo, Jewel in a Jade Rainbow: Letters and Legend from North Borneo Sabah*. Kota Kinabalu: Koisaan Cultural Development Institute.

Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, 1998. Jilid 3 & 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

F. G. Whelan, 1968. *A History of Sabah*. Singapore: Heinemann Educational Books.

Hairi Abdullah *et.al.*, 1986. *Sabah: Perubahan dalam Pembangunan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah.

Hairi Abdullah, Zulkifly Hj. Mustapha & Fatimah Kari (sunt.), 1989. *Integrasi Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.



- Halina Sandera Mohd. Yakin, 2007. *Identiti Budaya Etnik Palau' di Semporna Sabah: Konservasi, Adaptasi dan Transformasi Budaya*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Hamzah Amir & Chcho Bulah, 2007. *Tun Sakaran Dandai: Membina Jati Diri Dalam Perjuangan Politik*. Kota Kinabalu: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Ismail Abbas, 1996. *Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran Dandai: Biografi Bergambar*. Kota Kinabalu: Holijaya Sdn. Bhd.
- Ismail Yusoff, 1997. *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- James P. Ongkili, 1985. *Modernization in East Malaysia, 1960-1970*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- James P. Ongkili, 1985. *Nation - Building in Malaysia 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press.
- Jeffrey G. Kitingan & Maximus J. Ongkili (ed.), 1989. *Sabah 25 Years Later, 1963-1988*. Kota Kinabalu: Institute for Development Studies (Sabah).
- Jenar Lamdah, 1981. *Datuk Harris Mohd. Salleh dengan Politik Sabah*. Kuala Lumpur: Affa Sdn. Bhd.
- Mazlan Abdullah, 1978. *Sejarah Malaysia Timur*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mohammad Agus Yusoff, 1992. *Politik Akomodasi di Sabah*, Kuala Lumpur: Laser Skill Sdn. Bhd.
- Mohd. Ariff Dato' Haji Othman, 1988. *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah: Implikasi dari segi Sejarah, Undang-undang, dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd. Foad Sakdan, 1997. *Pengetahuan Asas Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Noor bin Abdullah, 1976. *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Anwar Nik Mahmud, 2000. *Konfrontasi Malaysia-Indonesia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramlah Adam, 1993. *Dato' Onn Ja'afar Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka-Bahagian Pendidikan Malaysia.
- Ranjit Singh, D.S., 1991. *The Making Of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: University of Malaya.



- Sabihah Osman, 1985. *Pentadbiran Pribumi Sabah 1881-1941*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia- Yayasan Sabah.
- Sather, C.A., 1997. *The Bajau Laut: Adaptation, History, and Fate in a Maritime Fishing Society of South-Eastern Sabah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Siti Aidah Hj. Lokin, 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Tregonning, K.G., 1965. *A History of Modern Sabah, 1881-1963*. Singapore: University of Malaya Press.
- Warren, James F., 1971. *The North Borneo Chartered Company's Administration of the Bajau, 1878-1909: The Pacification of a Maritime, Nomadic People*. Ohio University: Centre for International Studies.
- Yap Beng Liang, 1994. *Orang Bajau Pulau Omdal: Aspek-aspek Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulfigar Yasin, 2003. *Semporna: North of Borneo*. Seberang Perai: Rythm Consolidated Bhd.

Jurnal

- Tabrett, K.P., 1999. *The Founding of Semporna*. Sabah Society Journal Vol. 16.
- Appell, G.N., 1968. *Social and Medical Anthropology of Sabah: Retrospect and Prospect*. Sabah Society Journal, Jil. III. No.4.

Informan Yang Ditemu Bual

- Datuk Haji Abdullah Hussin, 53 tahun. Pejabat USIA kota Kinabalu, Sabah. Setiausaha Agung USIA. 'Hubungan USIA dengan Parti USNO pada tahun 1960-an sehingga kini'. 17.03.2009.
- Datuk Melali Haji malik, 67 tahun. Pejabat Daerah Semporna Sabah. Ketua Daerah Semporna (2000 – kini). 'Peranan Ketua Daerah Semporna'. 04.05.2009.
- Encik Mahadi bin Alindah, 55 tahun. Pejabat Daerah Semporna Sabah. Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pentadbiran Semporna (01.19.2006 – kini). 'Bidang tugas Penolong Pegawai Daerah dan Fungsi Pejabat Daerah Semporna'. 04.05.2009.



- Hajah. Intan Nahara bin Haji Ramsik, 64 tahun. Kampung Hampalan Semporna, Sabah. 'Pendudukan Jepun di Semporna dan Perkembangan Semangat Nasionalisme penduduk Tempatan'. 24.01.2009.
- Haji Mohd. Kabbul Antik, 68 tahun. Kampung Kabogan Semporna, Sabah. JKKK Kampung Kabogan. 'Perbandingan Sumbangan Parti USNO dan BERJAYA semasa memerintah daerah Semporna dan pembangunan yang dilakukan'. 02.05.2009.
- Imam Panglima Abdul Hamid bin Panglima Abdul Hanu, 76 tahun. Kampung Kabogan Semporna, Sabah. Ketua Kampung. 'Pendudukan Jepun di Semporna dan Perkembangan Semangat Nasionalisme penduduk Tempatan'. 43.12.2008.
- Puan Jalilah bin Hj. Ramsik, 67 tahun. Kampung Hampalan Semporna, Sabah. 'Pendudukan Jepun di Semporna dan Perkembangan Semangat Nasionalisme penduduk Tempatan'. 24.01.2009.
- Sukor bin Usin @ Hussin, 42 tahun. Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Sabah. Ketua Pembantu Tadbir. 'Perjalanan pilihanraya di Daerah Semporna dan kematangan masyarakat Sabah dalam politik'. 14.04.2009.
- Tawadju bin Matudju, 65 tahun. Kampung Kabogan Semporna, Sabah. 'Hari Pilihanraya di Semporna'. 43.12.2008.

Kertas kerja

- Jipanus Molukun. *District Administration in Sabah Pre-Independence*. Laporan Seminar Pentadbiran Daerah anjuran Institut Tadbiran dan Penyelidikan Sabah pada 23-25 November 1987. Kota Kinabalu: Hotel Perkasa Mt. Kinabalu, Kundasang.
- Mohd Saffie Abdul Rahim. *Sejarah Semporna: Sistem Pentadbiran dan Pembangunan Ekonomi, 1963-1985*. Artikel yang tidak diterbitkan. Pembentangan Seminar 50 Tahun Malaysia Merdeka anjuran UITM, Kota Kinabalu: UITM.
- Mohamad Said bin Hinayat. 2003. *Bajau/Sama Communities in Southeast Asia*, Artikel tidak diterbitkan. Pembentangan Seminar sempena *7th Biennial International* anjuran Pusat Penyelidikan Borneo pada 15-18 Julai 2003. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- S. Mohd. Abdillah. *Pentadbiran Daerah di Sabah Sesudah Merdeka*. Laporan Seminar Pentadbiran Daerah anjuran Institut Tadbiran dan Penyelidikan Sabah pada 23-25 November 1987. Kota Kinabalu: Hotel Perkasa Mt. Kinabalu, Kundasang.

